

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	9/12/2018

# 'Malaysia negara Islam contoh, Dr M terbaik'

BH - 9/12/2018 m/f: 14

➔ Penduduk terharu terima pelbagai bantuan Syria Care



Malaysia negara Islam contoh dan Tun Dr Mahathir Mohamad antara pemimpin Islam terbaik di dunia. Itu antara pujian diberikan Gabenor wilayah Afrin, Said Suleiman sebaik wartawan NSTP bersama petugas misi kemanusiaan di Syria Care diketuai Pengerusinya, Siti Sakinah Meor Omar Baki menjadi tetamu selepas dibenarkan masuk ke wilayah ini bagi menjalankan agihan pakaian serta barang keperluan sem-

**Mahathir Mohamad pemimpin terbaik, dikenali di dunia Arab dan sejak dulu mengambil tahu urusan orang Islam di Syria**

**Said Suleiman,**  
Gabenor wilayah Afrin



Siti Sakinah serta petugas misi bantuan musim sejuk Syria Care 7.0 bersama kanak-kanak Syria selepas mengagihkan pelbagai barang keperluan di Bandar Afrin, Syria, semalam.

pena misi Bantuan Musim Sejuk Syria Care 7.0. Katanya, mereka turut berbesar hati dan mengalu-alukan kedatangan petugas misi Syria Care yang sanggup membantu mengurangkan beban penduduk di sini. "Dalam dunia sekarang, ada dua negara Islam contoh, Malaysia dan Turki. **Dr Mahathir dikenali dunia Arab** "Mahathir Mohamad pemimpin terbaik, dikenali di dunia Arab dan sejak dulu mengambil tahu urusan orang Islam di Syria," katanya ketika ditemui dalam pertemuan bersama Mufti Afrin, Said Shanun di pejabatnya di sini, semalam. Said Suleiman berkata, mereka berharap dapat belajar daripada Malaysia dalam banyak bidang dan berfikir untuk menjalin kerjasama dengan Syria Care khususnya dalam

bidang pendidikan. Sementara itu, Siti Sakinah berkata, beliau terharu apabila dibenarkan masuk ke wilayah yang baru sahaja dibebaskan oleh tentera Turki daripada penguasaan pemberontak Kurdis. Katanya, sepanjang penubuhan Syria Care pada 2012, ia lokasi paling jauh mereka dibenarkan masuk bagi melaksanakan misi kemanusiaan di Syria. "Alhamdulillah, kali pertama Syria Care dibenarkan masuk bagi membantu meringankan beban penduduk di sini. "Malah, menerusi misi hari ini (semalam), Syria Care mengagihkan sebanyak 5,284 barang keperluan musim sejuk seperti jaket, topi, selimut, sarung tangan, kasut but, stoking dan beg," katanya. Siti Sakinah berkata, dia juga tersentuh hati apabila Said Suleiman menyatakan 'Afrin terbuka untuk

Syria Care' selepas mengetahui tujuan kedatangan pertubuhan itu kerana ingin menolong penduduk Syria atas dasar ummah. **Urusan dipermudah** "Lebih terharu apabila saya mengenangkan bahawa Syria Care bukan sesiapa, bukan pertubuhan kemanusiaan yang besar tetapi Allah permudahkan urusan untuk kami masuk," katanya. Untuk makluman, kami memasuki Afrin menerusi kawasan sempadan di Hatay, Turki dan menempuh ladang zaitun sepanjang 40 kilometer yang menjadi medan perang antara tentera Turki dan pemberontak Kurdis dalam operasi Ops Pokok Zaitun (Olive Branch Operation). Menerusi laluan ini, perjalanan mengambil masa dua jam untuk sampai ke Afrin susulan laluan yang ber lumpur.